

Usim cipta peti kecemasan Sonic

NILAI – Sekumpulan kakitangan Pusat Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) telah menghasilkan inovasi baharu peti kecemasan dinamakan Sonic, yang sesuai digunakan untuk aktiviti luar bagi menggantikan peti kecemasan sedia ada.

Pengarah Pusat Kesihatan USIM, Dr Nik Mohd Shafikudin Md Nik Tajuddin berkata, peti kecemasan sedia ada mempunyai beberapa kesulitan untuk aktiviti luar seperti reka bentuk kurang sesuai, mudah rosak kerana diperbuat daripada kotak dan plastik, tidak mempunyai manual panduan penggunaan serta mahal.

"Apabila kita ingin menghasilkan beg kecemasan Sonic ini, kita telah menetapkan spesifikasi yang dihasilkan nanti perlu mempunyai reka bentuk sesuai, diperbuat dari bahan tahan lasak dan saiz yang sederhana.

"Di pasaran memang tidak ada lagi beg kecemasan yang sesuai untuk aktiviti luar dan Usim ingin menjadi pencetusnya," katanya di sini.

Katanya, hasil kerja berpasukan bermula dari perancangan idea reka bentuk, ruang penyimpanan ubatan,



Dr Nik (kanan) menunjukkan ciri-ciri dan alatan kecemasan yang terdapat pada beg Sonic kepada kakitangan Pusat Kesihatan Usim.

ciri-ciri tambahan untuk memenuhi keperluan semasa kecemasan sehingga kepada penghasilan beg Sonic.

"Beg ini bukan sahaja mudah dibawa, murah berbanding harga peti kecemasan dan ia juga diperbuat daripada material berkualiti serta mudah didapati. Malahan turut juga disertakan panduan penggunaan yang mudah difahami dan amat membantu para penggunaannya" katanya.

Beliau berkata, antara alatan asas kecemasan yang

disediakan di dalam beg berkenaan adalah dresing steril, plaster luka, kain anduh, perbalut kain kasa, larutan iodine, krim antiseptik dan gunting kecil.

"Beg Kecemasan Sonic juga disertakan dengan beberapa ciri tambahan yang tiada pada peti kecemasan biasa iaitu mempunyai tilam tidur mudah bawa, lampu picit, tempat simpanan sejuk (paket ais), penambahan stretcher, poket powerbank dan kompas," katanya.

Sebanyak sembilan unit beg Sonic telah dihasilkan oleh Pusat Kesihatan Usim untuk kegunaan aktiviti luar pelajar khususnya di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim.

Inovasi Beg Kecemasan Sonic ini turut mendapat pengiktirafan semasa Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam kali ke-11 lalu apabila dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Pengurusan Bencana Negara dan penerima penarafan Emas.